

Newspaper
Date

Berita Harian
30 January 2016

BN hargai semangat 'nambikei' IPF: Najib

BH - 30/1/2016

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak yakin Parti Barisan Kemanusiaan India SeMalaysia (IPF) meneruskan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN), walaupun belum diterima secara rasmi menganggotai parti komponen berkenaan.

Perdana Menteri berkata, BN terhutang budi selama 25 tahun terhadap IPF yang terus menyokong calon BN, biarpun hanya berstatus parti mesra BN, bertepatan semangat 'nambikei' (keyakinan).

Sokongan parti komponen

"Saya selaku Pengerusi BN tiada masalah menerima IPF sebagai parti komponen BN, namun ia perlu mendapat sokongan semua parti komponen.

"Ketika ini, sebuah parti komponen enggan menerima keanggotaan IPF dan kita akan cuba pujuk mereka," katanya ketika berucap pada majlis makan malam Jubli Perak IPF di Taman

Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, malam tadi.

Yang turut hadir, Setiausaha BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Presiden IPF, Datuk M Sambanthan.

Bagaimanapun, Najib enggan mendedahkan parti komponen BN yang menolak penyertaan IPF sebagai parti komponen BN.

Najib berkata, untuk menerima sesebuah parti menganggotai BN ia tertakluk kepada Perlembagaan BN.

"Kita amat bersimpati (dengan IPF), namun perlu akur dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan (BN). Kita mahu IPF memainkan peranan besar dalam BN, termasuk kemungkinan dipilih sebagai anggota Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran di Semenanjung," katanya.

Bela nasib kaum India

Dalam pada itu, Najib berkata, masyarakat India terus dibela BN, termasuk kerajaan memperun-



Najib dan Sambanthan (dua dari kiri) pada majlis makan malam sambutan 25 tahun Jubli Perak IPF di Serdang, malam tadi.

tukkan RM660 juta sejak tahun 2009 untuk pembangunan infrastruktur Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), termasuk meluluskan tujuh sekolah baharu.

Katanya, satu daripadanya iaitu SJKT Paya Besar di Lunas, Kedah, akan dirasmikannya, minggu depan.

"Kita melakukan banyak per-

ubahan dan memperkenalkan banyak langkah baharu dan inovatif untuk berkhidmat kepada masyarakat India," katanya.